

# Orang ramai diminta tak buat pembelian panik

**Putrajaya:** Orang ramai tidak perlu bimbang dengan melakukan pembelian panik ekoran penularan wabak COVID-19, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Perdana Menteri memberi jaminan, kerajaan akan memastikan semua barang makanan mencukupi sepanjang masa di pasaran.

“Janganlah terlalu risau, beli apa yang perlu saja, jangan beli yang tidak diperlukan. Kita akan pastikan barang makanan sentiasa ada di sepanjang masa,” katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat pertama Majlis Tindakan Ekonomi (EAC), di sini semalam.

Muhyiddin juga memberi jaminan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan memastikan bekalan barangan dalam negara sentiasa mencukupi.

“Kementerian Pertanian dan In-

dustri Makanan pula bertanggungjawab memantau rantaian di peringkat bawah. Setakat hari ini, kementerian berkenaan tidak menyatakan bahawa bekalan makanan sedang kehabisan.

“Kami juga akan memastikan orang ramai mempunyai akses kepada bahan makanan penting seperti sayur-sayuran, buah-buahan dan ikan di kedai-kedai yang akan sentiasa dibuka.

“Jadi, adalah penting untuk memastikan bahawa anda tidak akan berasa kehilangan sesuatu serta mula bergegas untuk melakukan pembelian dan penyimpanan yang sebenarnya tidak perlu,” katanya.

Beliau mengakui terdapat beberapa tahap pembelian panik dalam kalangan masyarakat susulan pandemik COVID-19 yang dihadapi dunia ketika ini, termasuk Malaysia.



Orang ramai dinasihat tidak membuat pembelian panik berikutan COVID-19.

(Foto Asyraf Hamzah/BH)